

PERANAN QIRA'AT DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN (Role of Qira'at in al-Quran Interpretation)

¹ IZULI DZULKIFLI

² ADIBAH BAHORI

¹ Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, (ACIS) UiTM Lendu, 78000 Alor Gajah,
Melaka

ABSTRAK

Qira'at adalah kepelbagaian menyebut bacaan al-Quran. Ia bertujuan untuk kemudahan umat Islam untuk membaca al-Quran melalui bacaan yang dibenarkan berpandukan Qira'at *Mutawatirah*. Selain berperanan sebagai kemudahan bacaan al-Quran, ia berperanan dalam pentafsiran al-Quran sehingga menghasilkan pelbagai tafsiran dan hukum-hukum yang berbeza. Selain itu, Qira'at *Shādhah* juga berperanan dalam pentafsiran al-Quran meskipun tidak diterima dalam pembacaan al-Quran. Makalah ini berdasarkan kajian yang bertujuan menjelaskan peranan Qira'at dalam pentafsiran al-Quran dan mengkaji bagaimana pentafsir mengeluarkan hukum-hukum yang berbeza melalui kepelbagaian Qira'at. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kandungan serta analisis tematik dengan merujuk beberapa kitab tafsir dan Qira'at yang utama. Hasilnya mendapati peranan Qira'at dalam pentafsiran al-Quran sangat penting sehinggakan pentafsir terdahulu hingga sekarang meriwayatkan Qira'at *Mutawatirah* dan *Shādhah* dalam kitab tafsir mereka. Melalui kepelbagaian Qira'at, pentafsir dapat menghuraikan makna sesebuah ayat serta mengeluarkan hukum-hukum yang berbeza sebagai hukum syarak bagi umat Islam. Peranan Qira'at dalam pentafsiran juga membantu untuk menerangkan maksud ayat yang samar ataupun yang kurang difahami serta berlainan dengan maksud pada zahir ayat.

Kata kunci: Peranan Qira'at; Qira'at *Mutawatirah*; Qira'at *Shādhah*; tafsir al-Quran

Corresponding author: Izuli Dzulkifli, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, mel-e: izuli@ukm.edu.my

Diserahkan: 17 Julai 2014

Diterima: 1 Jun 2015

ABSTRACT

Qira'at represents a variety of al-Quran recitation. It intends as facilitation for the Muslim ummah to recite al-Quran through the allowed way of recitation based on Qira'at Mutāwatirah. Aside from being facilitation for al-Quran recitation, it plays a part in al-Quran interpretation to the extent of producing various interpretation and different rulings. Likewise, Qira'at Shādhah has its role in al-Quran interpretation even though it is rejected in al-Quran recitation. This article based on a study seeks to explain the role of Qira'at in al-Quran interpretation and to analyse how an exegete produces different rulings through different Qira'at. Research design employed in this study is content analysis approach, besides thematic analysis by referring to exegeses and the main Qira'at. To sum up, this study indicates that the role of Qira'at in al-Quran interpretation is so significant that past and present exegetes narrate Qira'at Mutāwatirah and Shādhah in their exegeses. Through various Qira'at, the exegetes are capable of explaining the meaning of a verse, in addition to producing different rulings as legitimately prescribed by Sharia for the Muslim ummah. The role of Qira'at in exegeses also helps clarify the verses that are unclear verses or less understood, apart from seemingly of different meanings.

Keywords: *Role of Qira'at; Qira'at Mutāwatirah; Qira'at Shādhah; al-Quran exegesis*

PENDAHULUAN

Menurut Imam al-Qurtubī (1967) dan al-Suyūfī (1986), antara hikmah perbezaan Qira'at adalah untuk memudahkan dan meringankan kepada umat Islam membaca al-Quran yang bersesuaian dengan lidah mereka. Ini kerana umat Islam bukan sahaja terdiri kaum Arab, bahkan ia terdiri dari kaum selainnya yang mempunyai pelbagai *lahjah*. Sekiranya al-Quran hanya boleh dibaca dengan satu bacaan sahaja, maka ini akan menyukarkan umat yang lain untuk membaca al-Quran mengikut bacaan tersebut. Namun kepelbagaian bacaan tersebut mestilah bersandarkan dari petunjuk Nabi Muhammad SAW melalui bimbingan wahyu. Nabi Muhammad SAW telah mengajar al-Quran kepada setiap kumpulan atau kabilah dengan bacaan (Qira'at) yang bersesuaian dengan *lahjah* percakapan mereka. Ilmu Qira'at bukan sahaja merujuk kepada kepelbagaian bacaan al-Quran semata-mata, bahkan ia merupakan salah satu cabang ilmu untuk memahami ayat al-Quran dan berperanan menerangkan makna-makna dari setiap perkataan. Oleh yang demikian, sebahagian sarjana Islam seperti al-Dhahabi telah menetapkan ilmu Qira'at sebagai salah satu ilmu yang mesti dikuasai oleh seseorang pentafsir. Melalui ilmu Qira'at pentafsir dapat menjelaskan makna sebahagian bacaan dan mengeluarkan pelbagai hukum, walaupun sebahagian Qira'at tersebut *mutāwatirah* dan sebahagiannya *shādhah*.

QIRA'AT DI DALAM KITAB-KITAB TAFSIR

Pentafsir al-Quran begitu menitikberatkan penggunaan Qira'at di dalam kitab tafsir mereka sejak dahulu hingga masa kini. Antara kitab tafsir yang menggunakan Qira'at adalah kitab *Jāmi' āl-Bayān fi Tāfsir āl-Qur'an* karangan al-Tabarī. Kitab tafsir ini merupakan antara rujukan utama umat Islam kerana ketinggian ilmu al-Tabarī dalam bidang tafsir. Selain menggunakan ayat al-Quran dan hadis sebagai sumber pentafsiran al-Quran yang utama, beliau turut menggunakan Qira'at untuk mentafsirkan al-Quran. Kitab tafsirnya yang banyak memuatkan Qira'at telah menjadi rujukan ulama dalam bidang tersebut, sehinggakan ada pendapat menyatakan beliau adalah antara ulama yang mahir dalam bidang Qira'at (al-Dhahabi 2005).

Kitab *āl-Kashshāf* yang ditulis oleh al-Zamakhsharī turut mengandungi Qira'at di dalamnya. Beliau seorang yang mahir dan amat terkenal sebagai tokoh dalam bahasa Arab. Beliau *mentawjihkan* Qira'at dengan meraikan aspek bahasa mengikut mazhab *āl-Baṣrī* dan mengingkari mazhab *āl-Kuḥfī*. Ini kerana beliau begitu taksud pada kaedah bahasa Arab *āl-Baṣrī* sehingga ada sebahagian Qira'at *mutāwātirah* dituduh sebagai salah dan menyalahi bahasa Arab serta *perawinya* dikatakan jahil dalam bahasa Arab (al-Dhahabī 2005). Pengarang kitab ini mentafsirkan ayat al-Quran berpandukan Qira'at Abu 'Amr al-Baṣrī, berbeza dengan kebanyakan pentafsir lain yang memilih Qira'at 'Aṣim dengan *riwāyah Hafṣ* dalam mentafsirkan ayat al-Quran (Muḥammad Maḥmud al-Dūmi 2004).

Selain itu juga, kitab Tafsir *Mādārik āl-Tānzil wa Hāqāiq āl-Ta'wīl* yang dikarang oleh Abū al-Barakat, 'Abdullah bin Ahmād bin Maḥmud al-Nasafi (t.th) turut menggunakan Qira'at. Penggunaan Qira'at dalam tafsir al-Nasafi ini, banyak terbatas kepada Qira'at *sāb'āh* sahaja dan dinisbahkan bacaan tersebut kepada *qarinya* (al-Dhahabī 2005). Beliau meriwayatkan Qira'at *Shādhdhāh* dan juga *Māwdū'āh*, *mentawjihkan* Qira'at berdalilkan nas-nas al-Quran, *nāhw*, *bālāghah*, *shā'ir* dan *lughah*. Kesemua itu termasuk dalam *ihtijaj bid* Qira'at. Beliau turut *mentarjihkan* sebahagian Qira'at ke atas Qira'at yang lain. *Pentarjihan* tersebut berpandukan *qāwā'id 'Arābiyah*, *qiyās 'Arābiyah* dan *bālāghah*. Jarang sekali kita melihat *pentarjihan* tersebut berpandukan *riwāyah* (al-Dhahabi 2005).

Begitu juga kitab Tafsir *Rūh āl-Mā'ānī* yang dikarang oleh al-Alūsī. Pengarang tafsir ini mensyaratkan Qira'at yang diterimanya ialah Qira'at yang *tāwātur* dan *mashhur* (al-Dhahabī 2005). Kedua-dua syarat ini merupakan kayu pengukur dan pemisah di antara Qira'at *ṣaḥīḥah* dan yang *shādh* (Bilāl Ali al-Asali 2009). Selain penggunaan Qira'at *Mutāwātirah*, kitab ini mengandungi beberapa Qira'at *shādhdhah* yang sukar ditemui pada kitab-kitab tafsir yang lain. Ini menunjukkan pengarangnya menerima penggunaan Qira'at *Shādhdhah*, seterusnya membuktikan ketokohan pengarangnya dalam bidang Qira'at. al-Alusi juga mementingkan *tawjih* Qira'at samaada *Mutāwātirah* mahupun *shādhdhah* dan beliau turut *mentarjihkan* sebahagian Qira'at dan ada sebahagiannya ditolak.

Peranan Qira'at dalam Tafsir

Secara umumnya Qira'at dibahagikan kepada dua jenis iaitu *mutāwātirah* dan *shādhah*. Qira'at *mutāwātirah* adalah bacaan yang boleh dibaca dalam solat. Manakala Qira'at *shādhah* tidak boleh dibaca dalam solat, namun ia juga berperanan terhadap pentafsiran al-Quran sepertimana Qira'at *mutāwātirah*.

1. Menerangkan hukum yang telah disepakati. Firman Allah SWT:

وَإِنْ كَانَ رَجُلٌ يُورَثُ كَلِيلَةً أَوْ امْرَأَةً وَلَهُ أَخٌ أَوْ أُخْتُ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا
السُّدُسُ

(al-Nisa' 4: 12)

Maksud: Dan jika si mati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa, dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki atau saudara perempuan maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam.

Ayat tersebut membicarakan tentang pembahagian *farāid*. Namun pentafsir berbeza pendapat siapa yang dimaksudkan dengan saudara lelaki dan perempuan melalui bacaan *Mutāwātirah* iaitu *wā lāhu ākhun āw ukhtun* (وله أخ أو أخت). Ubay dan Sa'ad bin Abī Waqqas membaca (وله أخ أو أخت من أم) dengan menambahkan من أم (al-Andulisiy 1993).

Qira'at tersebut menerangkan maksud saudara ialah saudara seibu, dan setiap seorang dari mereka akan memperolehi satu perenam atau satu pertiga harta pusaka. Meskipun Qira'at Ubay dan Sa'ad bin Abī Waqqās adalah *shādhah*, para ulama telah bersepakat menerimanya sebagai tafsiran kepada bacaan *Mutāwātirah* iaitu saudara-saudara daripada sebelah ibu.

2. Menghasilkan hukum syarak yang berbeza. Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ
إِلَى الْمَرَافِقِ وَامْسَحُوا بِرُءُوسِكُمْ وَأَرْجُلَكُمْ إِلَى الْكَعْبَيْنِ

(al-Ma'idah 5: 6)

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan sembahyang (padahal kamu berhadap kecil), maka (berwuduklah) iaitu basuhlah muka kamu, dan kedua belah tangan kamu meliputi siku, dan sapulah sebahagian dari kepala kamu, dan basuhlah kedua belah kaki kamu meliputi buku lali.

Ayat tersebut membincangkan cara berwuduk. Namun pentafsir berbeza pendapat mengenai cara berwuduk pada bahagian kaki yang boleh dibaca dengan dua Qira'at *Mutawātirah* pada perkataan *وَأَرْجُلِكُمْ*. Bacaan pertama dibaca dengan *khāfī* iaitu *وَأَرْجُلِكُمْ* yang membawa maksud menyapu, manakala bacaan kedua adalah dengan *nasb* iaitu *وَأَرْجُلِكُمْ* membawa maksud mencuci (al-Banna 1987). Melalui kedua-dua bacaan tersebut menghasilkan beberapa hukum berwuduk pada kaki. Wajib mencucikan kedua belah kaki, tidak cukup sekadar menyapunya sahaja. Ini merupakan pendapat majoriti ahli tafsir. Kedua, wajib menyapu kaki sahaja. Pendapat ini diambil dari Ibn Abbās, Anas bin Mālik, Ikrimah, al-Sha'bi, Abī Ja'far Muḥammad bin Ali al-Bāqir, Qatadah merupakan pendapat *Syiah Imāmiyah* dan ahli tafsir mereka. Manakala Abū Hayyān pula menyatakan bahawa hukum menyapu kaki merupakan zahir ayat. Ketiga, wajib dihimpunkan di antara cuci dan sapu. Dan ia merupakan pendapat al-Tabari sebab cuci itu meliputi dengan sapu, maka kedua-duanya terhimpun dalam satu keadaan. Adapun pendapat yang mengatakan dengan pilihan adalah tidak diketahui siapa yang mengemukakannya kerana bersalahan dengan pendapat al-Tabari iaitu menghimpunkan kedua-dua hukum (*jāmā*). Ada yang mengatakan pendapat ini dikemukakan oleh golongan Syiah ('Abd al-Ilah Huri al-Huri 2008). Keempat, *al-Takhyir*, iaitu pilihan samaada sapu ataupun cuci. Pendapat ini disandarkan al-Rāzi kepada Hasan al-Basri dan al-Tabari. Sebahagian ulama pula berpendapat bahawa kefarduan menyapu adalah pada khuf sahaja, manakala kefarduan mencuci adalah selainnya (Muhammad Salim Muhaysin 1989).

3. Menghimpunkan hukum yang berbeza-beza. Firman Allah SWT:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَأَعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا
تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ

(al-Baqarah 2: 222)

Maksudnya: Dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. katakanlah: “Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat”. Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci.

Ayat tersebut membincangkan hukum mendatangi isteri selepas haid. Terdapat dua Qira'at *Mutawātirah* pada kalimah *يطهرن* iaitu dibaca dengan *tashdīd* pada *ṭa'* dan *hā'* serta *fāthāh* kedua-duanya *يَطْهُرْنَ*, manakala satu lagi bacaan adalah dengan *takhfīf* iaitu *sukun tā'* dan *dammāh* pada *يَطْهُرْنَ* (al-Banna 1987).

Para pentafsir berselisih pendapat mengenai waktu yang dibenarkan untuk mencampuri isteri yang telah didatangi haid. Sebahagian ulama memilih bacaan yang pertama iaitu dengan *tashdīd* pada *ṭa'* iaitu mesti bersuci selepas terputusnya haid.

Menurut sebahagian ulama, adalah dengan bacaan *tākhhfif* iaitu tidak disyaratkan mandi wajib ataupun bersuci. Kedua-dua bacaan tersebut memberi dua hukum yang berbeza. Namun, ulama telah menghimpunkan kedua-dua hukum dalam satu iaitu suami tidak boleh menyetubuhi isterinya sehingga terputusnya haid, bahkan mestilah setelah isterinya bersuci (al-Zarqānī 1998).

4. Menentukan kekuatan hukum yang berbeza-beza. Firman Allah SWT:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلَكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ
فَكَفَرْتُمْ بِهِ إِطْعَامُ عَشْرَةِ مَسْكِينٍ مِنْ أَوْسَطِ مَا تَطْعَمُونَ أَهْلِيكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ
تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ

(al-Ma'idah 5: 89)

Maksud: Kamu tidak dikira salah oleh Allah tentang sumpah-sumpah kamu yang tidak disengajakan (untuk bersumpah), akan tetapi kamu dikira salah oleh-Nya dengan sebab sumpah yang sengaja kamu buat dengan bersungguh-sungguh. Maka bayaran dendanya ialah memberi makan sepuluh orang miskin dari jenis makanan yang sederhana yang kamu (biasa) berikan kepada keluarga kamu, atau memberi pakaian untuk mereka, atau memerdekakan seorang hamba.

Para pentafsir bersepakat bahawa wajib *kaffārah* bagi orang yang tidak menyempurnakan sumpahnya berdasarkan ayat tersebut. Mereka juga bersepakat bahawa boleh *kaffārah* dengan puasa melainkan setelah tiada keupayaan menunaikan *kaffārah* yang utama mengikut tertibnya iaitu selepas tidak mampu memberi makan sepuluh orang miskin dan membebaskan seorang hamba (Abd al-Ilah Huri al-Huri 2008).

Namun pentafsir berselisih pendapat adakah disyaratkan hamba itu mesti beriman? Pendapat pertama menyatakan tidak disyaratkan beriman berdasarkan zahir ayat. Pendapat kedua pula menyatakan disyaratkan beriman berdasarkan bacaan yang lain iaitu ditambah perkataan *تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ* selepas *مؤمنة* (Abu al-Barakat t.th). Bacaan tersebut menjelaskan bahawa perkara yang disyaratkan pada seorang hamba ialah dia mestilah seorang yang beriman. Maka hukum *kaffārah* sumpah dengan membebaskan hamba mesti disyaratkan dengan seseorang yang beriman. Qira'at ini menjadi *tarjih* bagi pendapat yang mengatakan tidak disyaratkan dengan hamba itu beriman (al-Zarqānī 1998).

5. Mentafsirkan makna dan maksud yang samar ataupun yang kurang difahami. Firman Allah SWT:

وَتَكُونُ الْجِبَالُ كَالْعِهْنِ الْمَنفُوشِ

(al-Qari'ah, 101: 5)

Maksud: Dan gunung-ganang menjadi seperti bulu yang dibusar berterbangan.

Sebahagian pentafsir berselisih pendapat tentang kesamaran maksud kalimah العهن. Maka mereka merujuk bacaan كَالصُّوفِ المنفوش (Ibn Khalawayh, t.th) untuk mentafsirkan kalimah (العهن) iaitu bulu-bulu yang berterbangan (al-Zarqani 1998). Firman Allah SWT:

إِنَّا أَرْسَلْنَاكَ بِالْحَقِّ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَا تُسْئَلُ عَنْ أَصْحَابِ الْجَحِيمِ
(al-Baqarah 2: 119)

Maksud: Sesungguhnya Kami telah mengutuskan engkau (Wahai Muhammad) dengan kebenaran, (serta menjadi) pembawa khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pembawa amaran (kepada orang-orang yang ingkar). Dan (setelah engkau sampaikan semuanya itu), engkau tidak akan diminta (bertanggungjawab) tentang ahli neraka.

Terdapat dua bacaan pada kalimah وَلَا تُسْئَلُ iaitu dengan *ḍammāh*, وَلَا تُسْئَلُ dan *fathah* وَلَا تُسْئَلُ pada *ta'*. Bacaan *fathah* adalah dalam bentuk *nahiyāh* iaitu larangan yang ditujukan terhadap Nabi SAW, manakala bacaan *ḍammāh* adalah bentuk *nāfiyah* atau penafian (al-Banna 1987). Kedua-dua bacaan tersebut memberi maksud bahawa Nabi SAW tidak perlu bertanyakan tentang nasib orang musyrik, dan baginda sendiri tidak akan dipertanggungjawabkan atas nasib orang musyrik yang ditentukan tempatnya di dalam neraka kerana menolak dakwah Islam (Muhammad al-Habsh 1999).

6. Menerangkan makna kalimah yang zahirnya adalah berlainan dengan maksud yang dikehendaki.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَىٰ ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ
(al-Jumu'ah 62: 9)

Maksud: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

Para ahli tafsir sukar mentafsirkan ayat فاسعوا إلى ذكر الله. Maka mereka merujuk kepada bacaan Umar r.a iaitu فامضوا إلى ذكر الله. Bacaan tersebut menerangkan maksud السعي ialah berjalan dengan perlahan, walaupun pada zahirnya ia bermaksud berjalan dengan pantas (Ibn Khalawayh t.th.; Muhammad Salim Muhaysin 1989). Walaupun

di dalam ibadah haji, السعي adalah berlari kecil ataupun berlari anak, namun perjalanan untuk menunaikan solat Jumaat adalah berjalan perlahan.

Perbincangan ini jelas menunjukkan bahawa Qira'at memberi kesan terhadap beberapa hukum-hakam yang diistinbatkan oleh ulama berdasarkan ayat al-Quran. Qira'at juga memainkan peranan penting dalam disiplin ilmu lain seperti akidah, tafsir dan Bahasa Arab. Oleh itu, para pentafsir sangat mengambil berat terhadap aspek Qira'at dalam kitab tafsir mereka.

KESIMPULAN

Qira'at yang diturunkan oleh Allah SWT merupakan suatu kemudahan bagi umat Islam dalam membaca al-Quran bersesuaian dengan lidah mereka. Namun, peranannya lebih besar kepada umat Islam untuk memahami al-Quran berdasarkan pentafsiran al-Quran. Peranan Qira'at memberi kesan yang amat besar dalam ilmu tafsir sehingga pentafsir mendalaminya untuk mendapatkan makna yang bersesuaian bagi ayat al-Quran. Mereka mentafsirkan al-Quran berdasarkan perbezaan Qira'at yang memberikan pelbagai tafsiran. Melalui perbezaan tafsiran tersebut mereka dapat menghasilkan pelbagai hukum syarak. Begitu juga peranan Qira'at dapat menjelaskan makna yang samar serta menerangkan maksud sebenar yang berlawanan dengan zahir ayat. Jelaslah, perbezaan Qira'at dalam sesebuah ayat dapat merungkai pelbagai tafsiran termasuklah perkara yang berkaitan *fiqh* dan juga akidah.

RUJUKAN

- Abd al-Ilah Huri al-Huri. 2008. *Asbāb Ikhtilāf Mufāssirīn*. Syria: Dār al-Nawādir.
- Abu al-Barakat, Abdullah bin Ahmad bin Maḥmūd al-Nasafī. t.th. *Madārik āl-Tanzīl wa Ḥaqāiq āl-Ta'wīl*. t.pt: t.pt.
- al-Andulisiy, Abū Hayyān Muḥammad bin Yūsuf. 1993. *Tafsīr al-Baḥr al Muḥīṭ*. Bayrut: Dar al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- al-Banna, Aḥmad bin Muḥammad. 1987. *Ithāf Fuḍalā' al-Bashār*. Bayrūt: Ālam al-Kutub.
- Bilāl Alī al-Asalī, 2009. Tesis Master. *Manhaj Imām al-Alūsī fī al-Qira'at wa Atharuh fī Tafsīrih (Rūh al-Ma'ānī)*. al-Jāmi'ah al-Islāmiyah Ghazzah. Kuliyyah Uṣūl al-Dīn, Qism al-Tafsīr wa Ulūm al-Quran.
- al-Dhababī, Muḥammad Husayn. 2005. *al-Tafsīr wā āl-Mufāssirūn*. al-Qāhirah: Dār Hadith.

- Ibn Khalawayh. t.th. *Mukhtasār fī Shawādh āl-Qurān*. al-Qāhirah: Maktabah al-Mutannabīy.
- Muḥammad al-Habsh. 1999. *al-Qira'at al-Mutawātirāh wa Atharuhā fī al-Rasm al-Qur'ānī wa al-Aḥkām al-Sharīah*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Muḥammad Maḥmūd al-Dūmi. 2004. *al-Qira'at al-Mutawātirāh fī al-Tafsīr al-Zamakhshari*. Tesis Phd. Jami'ah Yarmuk. Jordan.
- Muḥammad Salim Muhaysin. 1989. *Fī Rihāb al-Qur'ān āl-Kārīm*. t.tp. t.pt.
- al-Qurtubī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr. 1967. *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*. Al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Misriyah.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, 1986. *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Bayrūt: Dār Ibn Kathīr.
- al-Zarqānī, Muḥammad Abd al-Adhim. 1998. *Mānāhil al-'Irfān*. t.tp. t.pt.